



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI JUN 2025

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Jun 2025. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih daripada 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen/keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 50.0 bagi Jun 2025. Secara keseluruhannya, hasil kaji selidik menunjukkan tiada perubahan sentimen di kalangan perniagaan. Ini mencerminkan keseimbangan antara faktor-faktor positif dan negatif yang mempengaruhi pelbagai sektor. Sebahagian sentimen optimistik didorong oleh musim cuti persekolahan pada bulan Jun 2025 yang telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan riadah dan hospitaliti. Di samping itu, aktiviti promosi semasa Pesta Pengguna dan Perdagangan ke-31 turut memberi dorongan tambahan kepada para peniaga yang terlibat. Faktor-faktor ini diimbangi oleh sebahagian sentimen pesimistik berikutan permintaan yang lembap diakibatkan oleh aktiviti perbelanjaan rentas sempadan oleh warga tempatan, gangguan operasi, dan cuaca yang kurang baik. Indeks bagi satu bulan ke hadapan meningkat kepada tahap 50.4, menunjukkan pandangan optimistik secara keseluruhan dengan acara-acara akan datang seperti sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta projek-projek baharu daripada tawaran kontrak dan sebutharga.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.4 bagi Jun 2025 dan tempoh satu bulan ke hadapan, dan 50.1 bagi tiga bulan ke hadapan. Bagi Jun 2025, perniagaan melaporkan peningkatan dalam tahap pelaburan, terutamanya untuk menaik taraf peralatan bagi projek yang sedang berjalan, mengembangkan fasiliti, dan membangun infrastruktur. Bagi satu bulan ke hadapan, perniagaan dalam beberapa sektor juga melaporkan jangkaan peningkatan dalam pelaburan bagi pengubahsuaian, projek baharu, dan inventori. Memandang ke hadapan, sentimen pelaburan untuk beberapa bulan akan datang kekal positif. Walaupun sentimen optimistik berterusan dengan sesetengah perniagaan menjangkakan pelaburan lebih tinggi bagi menaik taraf mesin dan teknologi, terdapat juga perniagaan yang mengongsikan ketidaktentuan pasaran atau kebergantungan kepada projek.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** berada pada tahap 50.2 bagi Jun 2025 dan satu bulan ke hadapan. Pada bulan Jun 2025, perniagaan mencatatkan pandangan optimistik terhadap situasi tenaga kerja, dengan beberapa perniagaan merentasi pelbagai sektor melaporkan pengambilan pekerja baharu berikutan keperluan berasaskan projek dan mengisikan jawatan kosong disebabkan oleh pekerja yang bersara dan meletakkan jawatan. Memandang satu bulan ke hadapan, sentimen bagi pengambilan pekerja di beberapa sektor tetap optimistik dengan beberapa projek yang akan dilaksanakan, walaupun menghadapi faktor luaran tertentu, termasuk proses pengambilan tenaga kerja dan keadaan ekonomi.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** berada pada tahap 49.9 bagi Jun 2025 dan 50.3 bagi bulan berikutnya. Walaupun hasil kaji selidik mencatatkan kebanyakan syarikat secara amnya menjangka perbelanjaan operasi yang stabil bagi Jun 2025, beberapa perniagaan dari semua saiz telah menyebabkan penurunan sedikit sub-indeks dengan jangkaan kos perniagaan yang lebih rendah. Ini dikaitkan dengan penurunan aktiviti berikutan penamatan projek-projek utama dan kerja-kerja penyelenggaraan pada bulan-bulan sebelumnya. Sementara itu, para peniaga menjangkakan kos yang lebih rendah disebabkan kelembapan operasi dan penghasilan yang lebih rendah semasa musim cuti persekolahan, di samping pengurangan tenaga kerja, termasuk kakitangan yang mengambil cuti tanpa gaji, meletakkan jawatan, dan langkah-langkah penjimatan kos yang dirancang. Bagi bulan berikutnya, unjuran kos secara amnya dijangka lebih tinggi disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan gaji secara keseluruhan berikutan pengambilan pekerja baharu, projek-projek baharu, serta aktiviti perniagaan sempena acara-acara perayaan.

BSI Jun 2025	
Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.4
Pelaburan	50.4
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.4
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan	49.9
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.3

8. Dari segi **sektor ekonomi**:

	Sektor	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Positif	Pengangkutan & Komunikasi	50.8	Kenaikan permintaan, terutamanya semasa musim cuti persekolahan.
	Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.4	Pembangunan hartanah dan kemasukan penyewa baharu bagi sesetengah perniagaan.
	Hotel & Restoran	50.2	Peningkatan penempahan pelancong tempatan dan penyertaan dalam Pesta Pengguna dan Perdagangan ke-31.
	Perkhidmatan Lain	50.2	Kontrak-kontrak baharu dan kerja yang berkaitan dengan acara-acara.
	Kewangan & Insurans	50.1	Pembaharuan insurans dan pengenalan skim insurans baharu yang memacu pertumbuhan.
	Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.1	Peningkatan permintaan gas serta penyambungan semula aktiviti pengeluaran atau projek-projek lebih awal dari jangkaan. Walau bagaimanapun, beberapa perniagaan yang lain mengongsikan kerja-kerja penyelenggaraan yang masih dalam pelaksanaan dan persekitaran luaran yang masih mencabar.
Sentimen Negatif	Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	49.9	Kebimbangan mengenai gangguan cuaca dan perbelanjaan pengguna yang rendah semasa cuti persekolahan.
	Pembuatan	49.9	Aktiviti pasaran yang lebih perlahan dan sesetengah perniagaan yang terjejas akibat penamatan kontrak.
	Pembinaan	49.8	Gangguan operasi dan keadaan cuaca tidak menentu.
	Perdagangan Borong & Runcit	49.6	Permintaan yang lemah selepas musim perayaan dan cuti sekolah disebabkan kecenderungan pengguna untuk berbelanja di luar negara.
	Kesihatan & Pendidikan	49.4	Musim cuti persekolahan yang akan meningkatkan aktiviti perjalanan ke luar negara.

9. Dari segi **saiz perniagaan**:

	Saiz	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Positif	Kecil	50.5	Projek-projek baharu, acara bermusim, dan peningkatan permintaan hasil promosi.
	Sederhana	50.2	
Tiada Perubahan	Mikro	50.0	
	Besar	50.0	


10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank


Tarikh: 19 Safar 1447H / 13 Ogos 2025M

Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1




Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.




Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.


Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Jun 2025



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.